

**TAWARAN HADIAH LATIHAN SKIM LATIHAN AKADEMIK BUMIPUTERA /
SKIM LATIHAN AKADEMIK IPTA TAHUN 2023**

KETERANGAN TAWARAN

1. Skim Latihan Akademik Bumiputera/Skim Latihan Akademik IPTA adalah satu program Kementerian Pengajian Tinggi yang diwujudkan untuk meningkatkan bilangan staf akademik berkelayakan Ijazah Kedoktoran (PhD) atau setaraf di Universiti Awam bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat pengajian tinggi serantau.
2. Melalui skim ini, Universiti Awam khususnya Universiti Malaya mengenalpasti calon-calon yang berkelayakan bagi ditawarkan *Fellowship* untuk mengikuti pengajian di peringkat PhD atau setaraf untuk memenuhi keperluan tenaga pengajar yang mendesak mengikut keperluan disiplin.

BIASISWA YANG DITAWARKAN

1. Calon dipelawa untuk mengikuti pengajian di peringkat PhD atau setaraf atau Sarjana Klinikal **di luar negara**.
2. Pengajian luar negara di Universiti yang berada di **kedudukan 50 terbaik dunia** oleh **QS WUR/QS WUR by Subject**. Keutamaan kepada Massachusetts Institute of Technology (MIT), Harvard University, Tsinghua University, Peking University, University of Hong Kong.
3. Syarat-syarat pemilihan penyelia adalah seperti berikut:

Ciri-ciri penyelia	Bidang Sains	Bidang Sains Sosial
Jawatan	Bertaraf Profesor	
Bidang tujuan penyelidikan	Semua calon hendaklah memastikan bidang penyelia merupakan bidang utama/ dominan/ sama dengan bidang pengajian calon	
H-index	>25	>15
Penyeliaan (PhD Graduat)	>15	>10

4. Calon yang sedang dalam pengajian dengan baki tempoh pengajian minimum empat (4) semester (daripada 36 bulan atau 48 bulan tempoh pengajian asal) semasa permohonan dikemukakan layak dipertimbangkan.
5. Calon hendaklah **bebas daripada status peminjam tegar Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara** dengan mengemukakan bukti pemotongan gaji sekiranya berkaitan (perlu diselesaikan sendiri oleh calon).
6. Calon yang sedang memegang biasiswa di bawah MyBrain15 **tidak layak** memohon biasiswa ini.
7. Penajaan adalah untuk **'single program'** sahaja.

IKATAN PERJANJIAN

Setiap calon yang ditawarkan biasiswa mempunyai dua (2) ikatan perjanjian iaitu bersama Universiti Malaya selaku majikan dan Kementerian Pengajian Tinggi bagi pihak Kerajaan. Tempoh kuat kuasa kontrak adalah bergantung kepada tempoh pengajian yang dibiayai.

ELAUN DAN KEMUDAHAN YANG DITAWARKAN

Calon layak menerima elaun dan kemudahan yang ditawarkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Malaya.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Calon dan ibu bapa adalah **warganegara Malaysia**.
2. Calon Bumiputera layak memohon Skim Latihan Akademik Bumiputera/Skim Latihan Akademik IPTA. Manakala bagi calon bukan Bumiputera layak memohon Skim Latihan Akademik IPTA sahaja.
3. Calon telah mendapat tempat pengajian dengan Surat Tawaran Rasmi.
4. Berumur tidak lebih daripada 43 tahun bagi peringkat PhD atau setaraf.
5. Memiliki **Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama**. (**Calon yang belum tamat pengajian Ijazah Sarjana tidak layak untuk memohon**).
6. Mempunyai **kepujian dalam Bahasa Malaysia** (termasuk Lulus Ujian Lisan) dan **Bahasa Inggeris** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya**.
7. Calon hanya berhak memohon satu Pusat Tanggungjawab dan satu bidang pengajian sahaja.
8. Tidak mempunyai sebarang ikatan perjanjian dengan pihak yang lain. Sekiranya ada, calon perlu mengemukakan surat pelepasan/penangguhan ikatan daripada penaja.
9. Tidak menerima sebarang bentuk penajaan daripada lain-lain penaja.
10. Calon yang pernah mengikuti program PhD atau setaraf di mana-mana Universiti Awam atau luar negara dan gagal dalam pengajian program tersebut adalah tidak layak memohon.
11. Bebas dari tindakan mahkamah atau tindakan tatatertib.

CARA MEMOHON

1. Calon hendaklah mengemukakan Borang Permohonan dengan mengemukakan satu (1) salinan dokumen berikut yang dicop Salinan Disahkan Benar dan ditandatangani seperti berikut:
 - (1) Salinan Sijil Lahir dan Kad Pengenalan Calon;
 - (2) Salinan Sijil Lahir Ibu dan Bapa **atau** Cabutan Sijil Lahir atau Sijil Kematian;
 - (3) Salinan Kad Pengenalan Ibu dan Bapa;
 - (4) Salinan Sijil SPM/STPM atau lain-lain Sijil Akademik;
 - (5) Salinan Ijazah Pertama/Lanjutan/Sarjana beserta transkrip;
 - (6) Maklumat Penyelia: Curriculum Vitae, Maklumat Penerbitan dan Maklumat Penyeliaan
 - (7) Kertas Cadangan Penyelidikan/Pelan Pengajian;
 - (8) Surat Tawaran Pengajian;
 - (9) Keputusan IELTS/TOEFL; dan
 - (10) Salinan Sijil Pendaftaran Majlis Perubatan Malaysia (**berdaftar penuh**) atau Majlis Pergigian Malaysia **bagi lantikan Pensyarah Pelatih Perubatan / Pergigian**.
2. Calon yang terikat dengan Kerajaan, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan perlu menyertakan surat pengesahan boleh dilepaskan/ditangguhkan dari ikatan perkhidmatan atau ikatan perkhidmatan dipindahkan ke Universiti ini selepas mendapat tawaran biasiswa. Urusan memohon pelepasan/penangguhan adalah atas tanggungjawab calon sendiri.

PENTING

1. Permohonan ini **wajib** dikemukakan bersama dokumen-dokumen yang dinyatakan. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
2. Hanya calon yang **disenarai pendek** sahaja akan dipanggil untuk temuduga di peringkat Universiti.
3. Sekiranya calon tidak mendapat sebarang maklum balas daripada pihak Universiti Malaya dalam **tempoh (tiga) 3 bulan** dari tarikh permohonan dikemukakan, permohonan tersebut adalah dianggap tidak berjaya.
4. Permohonan akan diproses tertakluk kepada kekosongan bidang semasa di Fakulti/Pusat Tanggungjawab yang dimohon.
5. Universiti Malaya berhak membatalkan permohonan/tawaran dengan serta-merta tanpa memberi notis terlebih dahulu sekiranya didapati pada bila-bila masa bahawa maklumat palsu diberikan dalam mana-mana dokumen yang dikemukakan kepada Universiti berkaitan permohonan ini.